

Pemaju, DBKL perlu bersemuka isu Pasar Keramat

Kuala Lumpur: Isu pembangunan dan infrastruktur Pasar Keramat di ibu negara yang tertunda akibat penjualan tanah hanya dapat diatasi jika pihak pemaju dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) duduk semeja.

Calon BN Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata isu pembangunan pasar tradisi itu sudah berlarutan hampir enam tahun sehingga membekankan lebih 300 peniaga di situ.

Katanya, setakat ini pasar berkenaan tidak boleh dibangunkan sepenuhnya kerana pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak mempunyai hak ke atas tanah itu dengan pemaju pula belum membayar sepenuhnya wang pembelian tanah.

“Pasar ini mempunyai pelbagai masalah infrastruktur antaranya masalah pendawaian elektrik dan keadaan tandas yang tak sempurna, malah jalan sekitar juga berlopak.

“Masalah ini diadukan kepa-

da DBKL, tetapi mereka berkata kawasan di situ tidak lagi dimiliki mereka.

“Situasi ini menyebabkan bukan sahaja peniaga malah, pengunjung juga tidak selesa meskipun pelbagai pembangunan dan kemudahan berlangsung di kawasan sekitar.

“Disebabkan itu penting untuk pemaju dan DBKL duduk semeja mencari penyelesaian kerana saya difahamkan wang pembelian tanah belum diserahkan sepenuhnya lagi,” katanya selepas program Tinjauan Mesra di Pasar Keramat, di sini, semalam.

Sedia jadi pengantara

Mengulas lanjut, Johari berkata, beliau bersedia menjadi pengantara di antara DBKL dan pemaju jika diberi mandat pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Tambahnya, beliau juga akan memastikan semua pihak dalam isu Pasar Keramat ‘menang-menang’ bagi memastikan manfaat besar diterima oleh semua pen-



Johari berjumpa peniaga dan pengundi pada program Tinjauan Mesra di Pasar Keramat, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

duduk sekitar.

“Sekitar pasar ini mempunyai pelbagai pembangunan infrastruktur, termasuk stesen Transit Aliran Ringan (LRT)

yang begitu dekat.

“Kita juga mahukan pasar ini dibangunkan dengan sempurna dan tidak menjadi seperti Keramat Mall yang meletakkan pa-

sar di tingkat tiga dan pengunjung terpaksa menggunakan lif. Pasar sepatutnya berada di tingkat bawah,” katanya.

Mengulas mengenai peniaga kecil, Johari berkata, adalah penting untuk kumpulan ini dibantu disebabkan kemampuan mereka memberi peluang pekerjaan kepada orang lain.

“Walaupun kecil, sumbangan mereka kepada ekonomi negara sangat penting contohnya, seorang peniaga mampu mengupah sehingga empat ke lima orang dan sekiranya mereka terjejas maka rantai (pendapatan) itu juga terjejas.

“Di Pasar Keramat sahaja terdapat 334 peniaga jadi sekurang-kurangnya 1,200 bergantung kepada rantaian ekonomi ini,” katanya.

Sementara itu, peniaga ayam di Pasar Keramat, Ali Man, 51, berkata masalah utama dialami peniaga adalah orang ramai kurang berbelanja di pasar dan diburukkan lagi dengan keadaan infrastruktur premis terbabit.